

U B810 AAB
UMNO-GULUNG (MAHATHIR)

KUALA LUMPUR, 20 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGULANGI BAHAWA KETEGASAN KERAJAAN DALAM MENERUSKAN DASAR EKONOMI BARU (DEB) BUKAN BERMAKNA MERAMPAS HAK KAUM-KAUM LAIN DI NEGARA INI TETAPI MENGEKALKAN APA YANG HAK KEPADA ORANG MELAYU.

PRESIDEN UMNO ITU MENJELASKAN BAHAWA APA YANG DIMAKSUDKAN DALAM UCAPAN DASARNYA PADA PERHIMPUNAN AGUNG KE-37 PARTI ITU KHAMIS LEPAS IALAH ORANG MELAYU TIDAK AKAN MENGAMBIL HAK ORANG LAIN TETAPI +ORANG LAIN JANGAN PULA MERAMPAS HAK KITA.+

KATANYA, BELIAU TIDAK BOLEH DAN TIDAK MAHU MELAKUKAN SEPERTI YANG DISYORKAN OLEH SESETENGAH PERWAKILAN BERHUBUNG DENGAN KETEGASAN DALAM MELAKSANAKAN DASAR ITU.

BEBERAPA ORANG WAKIL SEMASA PERBAHASAN USUL TERIMA KASIH ATAS UCAPAN PRESIDEN TELAH MENDESAK DATUK SERI DR MAHATHIR BERTINDAK TEGAS TERHADAP SESETENGAH PEMIMPIN PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL YANG MEMPERSOALKAN DEB SEPERTI MEMECAT MEREKA DARIPADA KABINET DAN JAWATAN-JAWATAN LAIN.

BERUCAP KETIKA MENJAWAB HUJAH YANG DIBANGKITKAN OLEH PERWAKILAN, BELIAU BERKATA= +ITU ADALAH CAKAP MEREKA DAN KALAU HENDAK, MEREKALAH YANG LAKUKAN. SAYA HANYA BERJANJI APA YANG SAYA BOLEH BUAT SAHAJA.+ -- LAGI.

2019MST 20 09 86

B B820 AAB
UMNO - GULUNG (MAHATHIR) 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BAHAWA UNTUK SEKADAR BERCAKAP MEMANGLAH MUDAH DAN SEBAB ITULAH PERHIMPUNAN SEPERTI INI TERHAD KEPADA PERCAKAPAN SAHAJA SUPAYA MUDAH BAGI SEMUA YANG HADIR.

+TETAPI APA YANG LEBIH TERUK IALAH SESETENGAH ORANG YANG BERFIKIR BAHAWA APA YANG MEREKA CAKAPKAN, ORANG LAIN MESTI BUAT,+ KATANYA.

+SAYA TIDAK SANGGUP MEMBUAT APA YANG ORANG LAIN CAKAP, YANG SAYA SANGGUP MEMBUAT IALAH APA YANG SAYA CAKAP,+ TAMBAH BELIAU.

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU MENGAMBIL SIKAP YANG SEDEMIKIAN KERANA MENGIKUT NASIHAT ALLAHYARHAM IBUNYA YANG BERPESAN SUPAYA APABILA BERCAKAP BIARLAH BERLAPIK.

+JIKA DITELITI UCAPAN DASAR SAYA MENGENAI DEB SAYA MENYATAKAN BAHAWA KITA TIDAK AKAN MENGAMBIL HAK ORANG LAIN TETAPI ORANG LAIN JANGAN RAMPAS HAK KITA.+ -- LAGI .

2053MST 20 09 86

D592

B B821 AAB
UMNO-GULUNG (MAHATHIR) 3 KUALA LUMPUR

OLEH ITU, JELASNYA, BELIAU AKAN BERSIKAP TEGAS DALAM PERLAKSANAAN DEB BERDASARKAN KEPADA PERCAKAPANNYA YANG BERLAPIK. DATUK SERI DR MAHATHIR MENOLAK DAKWAAN DUA ORANG PERWAKILAN KONONNYA KELANTANGAN SUARANYA DI DALAM DAN DI LUAR NEGERI MERUPAKAN SATU DARIPADA PUNCA PENURUNAN HARGA BARANGAN UTAMA NEGARA.

BELIAU MENJELASKAN KEJATUHAN HARGA BARANGAN UTAMA NEGARA BUKANLAH DISEBABKAN OLEH KELANTANGANNYA BERSUARA TETAPI DISEBABKAN OLEH FAKTOR-FAKTOR LUARAN SEPERTI KEMELESETAN EKONOMI DUNIA DAN KELEMBAPAN PASARAN ANTARABANGSA.

SAMBIL MENYATAKAN KEKECEWAANNYA DENGAN DAKWAAN ITU, PERDANA MENTERI BERKATA NEGARA-NEGARA YANG MEMPUNYAI HUBUNGAN RAPAT DENGAN AMERIKA SYARIKAT PUN SEPERTI NEGERI THAI, AUSTRALIA DAN FILIPINA JUGA MENGHADAPI MASALAH KEJATUHAN HARGA BARANGAN UTAMA MEREKA.

SEBAGAI CONTOH, KATANYA, AUSTRALIA MENGALAMI MASALAH PENJUALAN GANDUM APABILA AMERIKA SYARIKAT MENJUAL GANDUMNYA PADA HARGA YANG RENDAH KEPADA SOVIET UNION. -- LAGI .

2055MST 20 09 86

D603

B B823 AAB
UMNO-GULUNG (MAHATHIR) 4 KUALA LUMPUR

KATANYA WALAUPUN AUSTRALIA DAN AMERIKA SYARIKAT BERSAHABAT BAIK DALAM PAKATAN ANZUS DAN AUSTRALIA JUGA SANGGUP BERKELAH DENGAN NEW ZEALAND UNTUK BERBAIK-BAIK DENGAN KUASA ITU, IA TIDAK MENDAPAT PERTOLONGAN.

KUASA-KUASA BESAR TIDAK AKAN MEMPERDULIKAN SAMA ADA SESUATU NEGARA ITU BAIK DENGANNYA ATAU TIDAK DAN APABILA MEREKA HENDAK MELAKUKAN SESUATU MEREKA TETAP AKAN MELAKUKANNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA +SEBAB ITULAH KITA MESTI TEGAS DALAM APA JUGA YANG KITA PERKATAKAN KERANA KITA BERCAKAP BERDASARKAN KEPADA KEBENARAN+

PERDANA MENTERI MENGAKUI BAHAWA BELIAU MEMANG BERCAKAP KERAS DAN BERTERUS TERANG TETAPI KEKERASAN ITU DIBUAT SECARA TERANCANG.

+SUDAH TENTULAH DALAM UCAPAN SAYA TERUTAMA YANG BERTULIS TELAH DIFIKIRAKAN DUA ATAU TIGA KALI SEBELUM SESUATU YANG KERAS DIMASUKKAN KE DALAM UCAPAN ITU,+ JELAS BELIAU LAGI. -- LAGI .

2117MST 20 09 86

MENURUTNYA SIKAP TEGAS DAN CEKAP TIDAK BOLEH DIBUAT SECARA PILIH KASIH.

+SEMENTARA SAYA DIKEHENDAKI BERCAKAP TEGAS KEPADA KAUM BUKAN MELAYU, SAYA DISURUH PULA TUNDUK KEPADA ORANG LAIN KERANA MEREKA MEMPUYAI KUASA.

+INI TIDAK MUNGKIN SAYA BUAT KERANA TIAP SEORANG MEMPUYAI RESMINYA SENDIRI DAN KALAU KITA HENDAK ORANG YANG TEGAS, IA MESTILAH TEGAS SELALU.

+KALAU DIA MEMBAWA AKIBAT YANG BURUK, KITA TERPAKSALAH MENCARI ORANG YANG KURANG TEGAS DAN ITU SAJALAH CARANYA KITA MENGATASI PERKARA YANG BERLAKU,+ KATA BELIAU.

KETIKA MENJAWAB DAKWAAN BAHAWA SETIAUSAHA AGUNG DAP ENCIC LIM KIT SIANG MENERIMA PENCEN BERGANDA SEBAGAI WAKIL RAKYAT DARI NEGERI SELANGOR DAN MELAKA, DATUK SERI DR MAHAHTIR BERKATA JEMAAH MENTERI TELAH MENGAMBIL TINDAKAN UNTUK MENKAJI PERKARA ITU.

SEORANG PERWAKILAN SEMASA PERBAHASAN SEMALAM MENDAKWA BAHAWA ENCIC LIM YANG KINI ANGGOTA PARLIMEN TANJONG DAN ANGGOTA DEWAN NEGERI KAWASAN KAMPUNG KOLAM MENERIMA BAYARAN PENCEN \$1,000 BAGI TIAP SATU JAWATAN ITU DARI NEGERI SELANGOR DAN MELAKA SELAIN ELAUN WAKIL RAKYAT YANG DINIKMATINYA SEKARANG.

ENCIC LIM IALAH BEKAS ANGGOTA PARLIMEN KOTA MELAKA DAN PETALING SERTA ANGGOTA DEWAN UNDANGAN DI KEDUA-DUA NEGERI ITU. -- BERNAMA.
2119MST 20 09 86